

Sistem penghalau nyamuk

A GAK melucukan bunyi inovasi kali ini kerana kita menghasilkan sesuatu yang jarang dijumpai.

Sistem menghalau nyamuk ini unik kerana ia berfungsi secara automatik supaya kita lebih selesa tanpa gangguan.

Sistem ini menggunakan gelombang untuk menghalau nyamuk, dan kita tidak lagi memerlukan ubat nyamuk, sama ada yang menggunakan fungsi asap atau sebarang produk terkini.

Oleh itu, mengelas nyamuk ke setiap penjuru bilik atau ruang kelambu yang agak meminati, tidak perlu dilakukan lagi.

Pembaca boleh mencubanya untuk metasi sendiri keunikan inovasi ini

Alatan yang digunakan

- Kualiti terpakai
- Speaker kecil
- Dua utas wayar halus
- Pembaris atau kayu
- Double side tape
- Motor mainan berais kecil
- Dua unit bateri 1.5V

Langkah 1

Lekatkan pembesar suara (speaker) kecil



pada pembaris / kayu dengan menggunakan double side tape seperti dalam gambarajah.

Langkah 2

Sambungkan wayar (+) daripada speaker ke (+) motor dan wayar (-) speaker ke (-) bateri. Sediakan satu lagi wayar sebagai suis untuk disambungkan daripada (-) motor ke (+) bateri.

Langkah 3

Lekatkan set kayu yang dipasang dengan komponen tadi pada bahagian kualiti seperti di dalam gambarajah. Gunakan plaster yang mempunyai kekuatan tinggi supaya ia tidak mudah tertanggal.

Langkah 4

Setelah semua siap dipasang dengan sempurna, barulah wayar (-) daripada motor tadi disambungkan ke (+) bateri supaya ia berfungsi.

Anda akan dapati speaker tadi akan mengeluarkan bunyi bergelombang yang mampu menghalau nyamuk di sekitarnya.

